

Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu Pengangguran Sebelum dan Selepas Pandemik Covid-19
(*Student Perceptions of Unemployment Issues Before and After the Covid-19 Pandemic*)

LEE BOON CHANG & MUSTAZAR MANSUR*

ABSTRAK

Semenjak Malaysia dilanda pandemik Covid-19, ia telah memberi impak yang besar kepada sistem ekonomi, politik, sosial, kesihatan, pendidikan negara. Keadaan ini menyebabkan kerajaan di Malaysia terpaksa mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan memberikan kesan yang negatif kepada sektor pekerjaan. Banyak sektor pekerjaan di Malaysia terpaksa dihentikan operasinya menyebabkan banyak syarikat tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan seperti gaji pekerja dan menyebabkan syarikat terpaksa memecat pekerja. Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisa trend, mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi pengangguran sebelum dan selepas pandemik Covid-19 di Malaysia mengikut perspektif mahasiswa UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan mengenalpasti langkah persediaan mahasiswa UKM untuk menangani pengangguran. Kajian ini akan mengambil 8 faktor yang menyebabkan berlakunya pengangguran untuk dikaji. Antaranya ialah kegagalan menguasai Bahasa Inggeris, sikap memilih kerja, kekurangan kemahiran insaniah, tidak membuat persiapan untuk temuduga, keadaan ekonomi yang tidak baik, permintaan gaji yang tidak realistik, kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan dan tahap pendidikan yang rendah. Analisis kajian ini adalah berdasarkan tinjauan soal selidik yang dijalankan terhadap 121 mahasiswa UKM yang dipilih secara rawak mengikut jantina, fakulti, tingkat pendapatan (keluarga) dan strata yang berbeza-beza. Kajian ini akan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan purata min bagi setiap faktor pengangguran. Dapatan kajian menunjukkan persepsi mahasiswa UKM terhadap faktor yang paling mempengaruhi pengangguran sebelum dan selepas Covid-19 adalah faktor keadaan ekonomi yang tidak baik. Secara kesimpulannya, mahasiswa sendiri haruslah mencari peluang dan ruang di universiti untuk meningkatkan kemahiran yang bersesuaian apabila memasuki ke alam pekerjaan.

Kata Kunci: Faktor pengangguran; Covid-19; Mahasiswa; Universiti

ABSTRACT

Since Malaysia was hit by the Covid-19 pandemic, it has had a huge impact on the country's economic, political, social, health, education system. This situation has forced the government in Malaysia to announce the implementation of the Movement Control Order (PKP) and have a negative impact on the employment sector. Many employment sectors in Malaysia had to cease operations causing many companies to be unable to cover expenses such as employee salaries and causing companies to have to lay off employees. The objective of this study is to analyze trends, identify the main factors influencing unemployment before and after the Covid-19 pandemic in Malaysia according to the perspective of UKM students (Universiti Kebangsaan Malaysia) and identify preparatory measures of UKM students to address unemployment. This study will take 8 factors that cause unemployment to be studied. Among them are failure to master English, job selection attitude, lack of soft skills, not preparing for interviews, poor economic conditions, unrealistic salary demands, skills possessed not in line with positions and low levels of education. The analysis of this study is based on a survey questionnaire conducted on 121 UKM students who were randomly selected according to gender, faculty, income group (family) and different strata. This study will use Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software to obtain the mean for each factor of unemployment. The findings of the study showed that the perception of UKM students on the factors that most influence unemployment before and after Covid-19 is a factor of poor economic conditions. In conclusion, students themselves should find opportunities and space in the university to improve the appropriate skills when entering the world of work.

Keyword: Unemployment Factor; Covid-19, students, university

PENGENALAN

Pengangguran merujuk kepada seseorang yang mahu bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan. Mereka ini digolongkan sebagai tenaga buruh sesebuah negara, iaitu mereka yang berumur antara 15 hingga 64 tahun yang sanggup bekerja. Tenaga buruh yang mempunyai pelbagai kemahiran dan berdaya saing adalah sangat penting dalam era globalisasi ini. Tenaga buruh yang berkemahiran penting dalam menentukan prestasi sesebuah organisasi mahupun negara. Tanpa tenaga buruh yang berkemahiran, negara akan menjadi lemah kerana kekurangan faktor manusia yang boleh memulakan inisiatif baharu dalam aktiviti sosio ekonomi. Pada masa ini, pengangguran dalam kalangan graduan menjadi isu, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia (Zaliza Hanapi dan Mohd Safarin Nordin, 2014).

Kadar pengangguran yang tinggi (melebihi 4%) akan mendatangkan kesan yang negatif dan kesan ini dapat dirasakan oleh pekerja dan ekonomi negara. Graduan muda, khususnya mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan pertama mereka. Kadar pengangguran yang tinggi yang menyebabkan seseorang itu mengalami masalah kewangan boleh mengakibatkan kemusnahan emosi. Apabila ia berlaku, perbelanjaan pengguna yang merupakan salah satu pendorong utama pertumbuhan ekonomi akan turun menyebabkan kemelesetan atau bahkan kemurungan apabila tidak ditangani. Kadar pengangguran yang tinggi juga boleh meningkatkan kadar kemiskinan dalam sesebuah negara (Noor Azina Ismail, 2011). Penurunan kadar pengangguran adalah sangat penting bagi menjamin negara berada dalam landasan yang betul iaitu menuju negara maju dengan pertumbuhan ekonomi yang positif.

Pandemik Covid-19 ialah satu penyakit yang sedang berlaku secara global berpunca daripada coronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin berlaku walaupun sebelum gejala muncul.

Pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia semenjak 25 Januari 2020 telah memberi pelbagai impak terhadap kesihatan, sosial, budaya, agama dan psikologi pelbagai lapisan masyarakat. Menurut Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), dalam masa 2 bulan sahaja iaitu daripada 25 Januari hingga 18 Mac jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia telah mencecah 790 orang dan kematian sebanyak

2 orang. Penularan wabak Covid-19 yang berlaku dengan pantas ini telah memberikan impak yang besar kepada semua aspek iaitu politik, ekonomi dan sosial. Penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat telah memaksa kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. Pelaksanaan PKP telah membawa perubahan besar kepada sosio ekonomi masyarakat Malaysia.

Kesan pemberhentian aktiviti ekonomi akibat pelaksanaan PKP menyebabkan banyak entiti perniagaan tidak dapat beroperasi sepenuhnya dan seterusnya mengalami kerugian yang besar. Untuk implikasinya, entiti-entiti perniagaan ini terpaksa membuang pekerja untuk mengurangkan kos serta meminimumkan kerugian. Keadaan ini memburukkan lagi keadaan pengangguran di Malaysia. Antara sektor ekonomi yang terjejas dan mengalami peningkatan dalam pengangguran ketika pelaksanaan PKP termasuk sektor pelancongan, penerbangan, perniagaan dan sebagainya. Terdapat beberapa sektor seperti air, elektrik, tenaga, komunikasi, pos dan lain-lain yang diberikan pengecualian daripada pelaksanaan PKP untuk beroperasi.

Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kadar pengangguran pada tahun 2019 adalah 3.3% manakala kadar pengangguran pada tahun 2020 pula adalah 4.5% iaitu kadar tertinggi sejak 1993 yang merekodkan 4.1%. Peratusan kadar pengangguran 4.5% pada tahun 2020 adalah lebih tinggi daripada anggaran kajian Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDF). MIDF menjangkakan kadar pengangguran Malaysia pada 2020 mencecah sekitar 4.3 peratus daripada 3.3 peratus tahun lepas berikutan penurunan eksport sejak beberapa bulan lepas yang berpotensi menjejaskan prospek pekerjaan dalam sektor perdagangan. Kesannya, Malaysia terpaksa berdepan dengan kesan luar jangka ekonomi dan sosial, mengakibatkan kadar pengangguran negara mencapai lebih 4% buat pertama kalinya setelah hampir tiga dekad. Semasa krisis kesihatan, kadar pengangguran bulanan adalah dalam lingkungan 3.9% hingga 5.3% merekodkan pertambahan melebihi 200 ribu orang penganggur.

Keadaan ini tidak dinafikan berkait dengan pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia yang mengalami ketidakstabilan sosio ekonomi. Ini akhirnya secara tidak langsung menyebabkan banyak syarikat mengalami kerugian dan menyebabkan mereka terpaksa memberhentikan pekerja bagi mengurangkan kerugian tersebut. Ini seterusnya akan menjejaskan para pelajar yang baru masuk ke alam pekerjaan memandangkan peluang pekerjaan telah menjadi kurang. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui persepsi pelajar

terhadap faktor pengangguran supaya mereka tahu akan keseriusan isu pengangguran ini kerana ia akan memberi kesan kepada mereka pada masa akan datang. Peningkatan kadar pengangguran ini merangsang penyelidikan ini untuk dilakukan. Pengkaji ingin mengetahui dengan tepat apakah faktor dorongan sebenar terhadap meningkatnya kadar pengangguran ini. Kajian ini akan melakukan tindaan terhadap faktor yang paling mempengaruhi pengangguran sebelum dan selepas Covid-19. Adakah faktor ini berbeza dalam kedua tempoh tersebut ataupun tidak. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian lepas yang telah dibuat berkenaan isu ini adalah kajian lepas hanya mengambil sama ada faktor dalaman ataupun faktor luaran pengangguran sahaja untuk dikaji. Tetapi dalam kajian ini, kedua-dua faktor dalaman dan luaran telah diambil. Dapatan kajian ini amat berguna untuk membantu mahasiswa mahupun mereka yang bakal masuk ke alam pekerjaan dalam mengenalpasti apakah yang dapat mereka lakukan sekiranya faktor utama pengangguran merupakan faktor luaran seperti kemelesetan ekonomi.

KAJIAN LEPAS

Pengangguran merujuk kepada keadaan menganggur atau bilangan penganggur dalam populasi yang bekerja. Pada zaman yang moden ini, penggunaan Bahasa Inggeris bukan hanya penting untuk negara Barat sahaja, malahan ia telah menjadi bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi antara penduduk merentasi sempadan negara di seluruh pelusuk dunia. Hal ini demikian kerana, Bahasa Inggeris sekarang ini sering digunakan dalam urusan perniagaan tidak kira bagi negara maju ataupun negara membangun. Menurut Fazilah (2020), gagal menguasai Bahasa Inggeris oleh graduan Malaysia telah menyebabkan keyakinan diri mereka turun sewaktu berinteraksi dengan orang lain dan keadaan ini menyebabkan mereka memilih untuk berdiam diri sahaja. Menurut Lim Hock Eam (2011), dalam persekitaran global, penentu penting yang mempengaruhi pengangguran ialah tahap penguasaan Bahasa Inggeris. Bagi negara seperti Malaysia yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau ketiga, penguasaan Bahasa Inggeris adalah sangat penting kerana ia merupakan penentu penting dalam kebolehpasaran seseorang. Dalam persekitaran global, penentu penting bagi pengangguran adalah tahap penguasaan Bahasa Inggeris. Menurut Nick Carroll (2005), beliau telah memerhatikan bahawa peratusan mendapat pekerjaan bagi mereka yang lahir di negara bukan berbahasa Inggeris adalah lebih rendah daripada mereka yang lahir di negara berbahasa Inggeris. Melalui

situasi ini, kita dapat melihat bahawa mereka yang menguasai Bahasa Inggeris akan mempunyai kelebihan semasa mencari pekerjaan. Hal ini demikian kerana penggunaan Bahasa Inggeris akan memberi kelebihan tambahan kepada pemohon kerja memandangkan penggunaan Bahasa Inggeris adalah luas dalam kalangan syarikat sektor swasta di Malaysia.

Berdasarkan Zaliza dan Mohd Safarin (2014), terdapat sebelas faktor yang membawa kepada masalah pengangguran dan salah satunya adalah kemelesetan ekonomi. Faktor ini juga disokong oleh pengkaji lain seperti Fazilah (2020) yang menyatakan bahawa golongan muda di seluruh dunia pernah menerima impak yang buruk selepas kejadian krisis kewangan global yang menyebabkan kemelesetan ekonomi yang teruk. Kadar pengangguran belia secara global pada ketika itu telah meningkat kepada 13.7% pada tahun 2013 daripada 11.7%, iaitu kadar sebelum krisis pada tahun 2007. Menurut Abdul Rashid dan Abdul Aziz (2020), pandemik Covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 telah memberikan implikasi yang besar kepada sektor ekonomi dan pembangunan negara menyebabkan kadar pengangguran pada suku pertama tahun pertama menjadi 3.9% berbanding 3.3% pada tahun 2019. Kadar pengangguran yang tinggi ini adalah disebabkan oleh impak negatif PKP ke atas pasaran buruh. Menurut Mohd Zaky Zainudin (2020), banyak pekerja mengalami pengangguran disebabkan sektor pekerjaan terjejas apabila PKP dilaksanakan. Menurut laporan Institut de Publique Sondage d'Opinion Secteur (IPSOS) 2020, didapati bahawa data menunjukkan sebanyak 61% rakyat Malaysia mencatatkan kebimbangan terhadap pandemik Covid-19 dan turut mempengaruhi ekonomi negara. Kesannya banyak pekerja terpaksa mengambil cuti tanpa gaji selama beberapa bulan ataupun dipotong gajinya antara 20% hingga 50%. Yang paling teruk sekali, mereka ini mungkin akan dibuang kerja. Keadaan ini akan menyebabkan mereka kehilangan sumber pendapatan dan sukar untuk menyara hidup diri sendiri mahupun keluarga.

Menurut Fazilah (2020), laporan menunjukkan bahawa ramai graduan yang tidak suka menyahut cabaran dalam mengambil peluang untuk mempelajari ilmu atau kemahiran baharu. Mereka tidak ingin keluar daripada zon selesa mereka kerana takutkan risiko yang bakal dihadapi oleh mereka. Mereka tidak mahu terlibat dengan pekerjaan yang melibatkan tiga "D" iaitu Dangerous, Dirty and Difficult (Bahaya, Kotor dan Sukar). Syarikat akan menganggap mereka ini adalah pekerja yang tidak mempunyai motivasi untuk meningkatkan kemahiran diri sendiri. Keadaan ini akan menyebabkan peratusan orang tersebut diambil bekerja rendah kerana dia tidak membawa apa-apa

faedah kepada syarikat. Syarikat lebih rela mengambil pekerja yang mempunyai semangat untuk belajar benda baharu atau pun bermotivasi kerana pekerja sebegini sudah pasti akan membawa lebih banyak faedah kepada syarikat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa graduan yang menganggur hari ini bukan disebabkan tiada peluang pekerjaan, namun disebabkan sikap mereka sendiri yang suka memilih kerja. Mereka yang suka memilih pekerjaan ini sudah pastinya akan menjadi individu utama yang menganggur kerana peluang pekerjaan adalah terhad. Selain itu, mereka juga perlu bersaing dengan pekerja asing untuk mendapatkan pekerjaan. Di Malaysia, lokasi tempat tinggal turut memainkan peranan yang penting dalam menentukan pengangguran. Graduan lebih gemar untuk memilih pulang ke kampung halaman untuk mendapatkan pekerjaan. Tetapi, peluang pekerjaan di bandar kecil sememangnya adalah lebih kecil berbanding dengan bandar besar di Malaysia (Noor Azina Ismail, 2011).

Kemahiran insaniah turut merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pengangguran. Kemahiran insaniah ataupun "soft skill" ialah kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan Ariff, Lim et al. (2017) menyatakan bahawa kebanyakan majikan menganggap bahawa graduan Malaysia adalah terlatih dengan baik dalam bidang pengkhususan mereka tetapi malangnya mereka tidak mempunyai kemahiran insaniah. Banyak majikan di Malaysia lebih gemar mencari mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang baik dan memiliki kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran interpersonal dan kebolehan fleksibel. Ini dapat disokong oleh pernyataan Zaliza Hanapi dan Mohd Safarin Nordin (2014) bahawa majikan dan persatuan industri sering mangaitkan kekurangan kemahiran insaniah seperti etika kerja yang positif, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan lain-lain sebagai faktor utama yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan Malaysia. Kemahiran insaniah ini sering dikaitkan dengan prestasi berkesan dalam pelbagai pekerjaan yang boleh dipindahkan melalui tempat kerja yang berbeza. "Hipotesis pemilihan", menyatakan bahawa mereka yang mempunyai kemahiran insaniah yang rendah boleh membawa kepada tahap kebahagiaan yang rendah. Oleh itu, mereka lebih berkemungkinan menganggur (Lim Hock Eam, 2011). Selain itu, Rahmah Ismail, Ishak Yussof dan Lai Wei Sieng (2011) turut menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada pengangguran di Malaysia adalah kualiti graduan. Mereka menyatakan bahawa para graduan adalah lemah dalam aspek kemahiran

insaniah dan tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik. Keadaan ini akan menyebabkan mereka menjadi golongan sasaran yang akan dibuang kerja sekiranya syarikat mengalami masalah kewangan. Pembangunan aspek kebolehpasaran graduan juga merupakan teras penting dalam pengajian tinggi bagi membolehkan graduan mendapat pekerjaan yang menguntungkan dalam pasaran kerja (Lee Harvey, 2001).

Proses temuduga merupakan sesi yang penting dalam mencari pekerjaan. Sekiranya seseorang itu tidak membuat persiapan untuk menghadapi sesi temuduga, maka mereka mungkin akan gagal untuk mempamerkan imej mereka bagi mendapatkan kerja yang sesuai dan diharapkan. Temuduga penting kepada majikan kerana ia dapat menilai personaliti dan sikap seseorang itu. Berdasarkan Zaliza dan Mohd Safarin (2014), Yasmin Siddik iaitu Perunding Imej Positive Grooming Sdn. Bhd, menyatakan bahawa masalah pengangguran adalah berpunca daripada kelemahan graduan dalam menonjolkan diri semasa menghadiri sesi temuduga. Mereka ini akan dinilai daripada pelbagai aspek seperti tahap keyakinan diri, sikap, kemahiran berkomunikasi dan lain-lain. Beliau turut menyatakan bahawa graduan yang gagal mendapat pekerjaan kebanyakannya merupakan mereka yang gagal membuat persediaan untuk sesi temuduga. Amanuddin Shamsuddin et al. (2013) juga menyatakan terdapat beberapa kekurangan yang ditemui semasa proses temuduga calon. Antaranya termasuklah kekurangan pengetahuan teras dan kecekapan dalam pekerjaan, kekurangan kemahiran komunikasi dan kurangnya pengetahuan am.


Melalui kajian Khairul dan Nurul (2018) menyatakan bahawa Jobstreet telah mengambil inisiatif untuk menjalankan satu kaji selidik yang bertajuk Employer perception on Fresh Graduate Survey. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk menilai persepsi majikan terhadap graduan yang gagal diterima untuk bekerja di syarikat mereka. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa memohon gaji atau faedah yang tidak realistik adalah faktor utama yang menyebabkan majikan tidak mahu menawarkan pekerjaan kepada para graduan. Hal ini demikian kerana mereka memohon untuk mendapatkan gaji yang tinggi tidak semestinya akan hasilkan produktiviti yang tinggi, maka majikan akan lebih suka untuk mengambil mereka yang memohon gaji yang rendah. Menurut Juliana, Navaz et al. (2015), permintaan gaji yang tidak realistik oleh graduan merupakan faktor utama syarikat menolak permohonan terutamanya bagi mereka yang kelihatan tidak layak menerima gaji di mana majikan hanya mampu menawarkan gaji antara RM2100 hingga RM2500. Permintaan gaji yang tidak realistik ini mungkin adalah disebabkan sokongan kewangan

daripada ibu bapa kepada graduan menyebabkan pelajar menjalani kehidupan yang mewah semasa dalam tempoh pengajian di universiti. Bagi majikan, pemberian gaji tinggi ini akan meningkatkan kos operasi mereka. Oleh itu mereka lebih rela mengambil pekerja yang memohon gaji yang rendah.

Pengangguran turut berlaku disebabkan pemilikan kemahiran yang tidak selari dengan jawatan yang dipohon. Pada masa sekarang, ramai graduan mempunyai kelulusan akademik yang tinggi dalam sesuatu bidang tertentu memilih untuk memohon pekerjaan dalam bidang bukan merupakan kepakaran dia. Menurut Khairul dan Nurul (2018), menyatakan wujudnya “jurang kemahiran” yang diperlukan oleh majikan dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan dimana kebanyakan graduan institut pengajian tinggi tempatan tidak memiliki kemahiran kerja yang diperlukan dalam pasaran kerja dan seolah-olah wujud ketidaksepadanan dalam penyediaan graduan untuk pasaran kerja tempatan. Sebagai contoh, sesebuah syarikat mempunyai 3000 kekosongan jawatan, tetapi 85% daripada kekosongan itu adalah untuk pekerjaan berkemahiran rendah yang hanya memerlukan pendidikan rendah dan tidak sesuai untuk siswazah baru. Keadaan ini dapat disokong oleh kajian lepas Amanuddin Shamsuddin et al. (2013) telah menyatakan bahawa ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri turut menyumbang kepada faktor pengangguran. Zaliza dan Mohd Safarin (2014) juga menyatakan bahawa sebab pengangguran wujud dalam kebanyakan sektor industri adalah kerana kekurangan individu yang layak untuk sesuatu

jawatan. Keadaan ini akan menyebabkan seseorang itu tidak dipilih walaupun telah ditemuduga kerana tidak memenuhi syarat oleh industri. Menurut Noor Azina Ismail (2011), wanita cenderung menamatkan pengajian dalam bidang pengajian yang tidak menawarkan kemahiran teknikal yang amat diperlukan oleh ekonomi negara seperti pendidikan, seni, sains sosial dan undang-undang. Keadaan ini menyebabkan kebarangkalian mereka ditawarkan kerja menjadi amat rendah. Youngsik Hwang (2017) turut menyatakan bahawa kurikulum tradisional yang disediakan di sekolah tidak lagi sepadan dengan keperluan praktikal dalam masyarakat dan perbezaan inilah menyumbang kepada pengangguran. Kajian Zafir Mohd Makhbul et al. (2015) menunjukkan kebanyakan graduan tempatan tidak mempunyai kemahiran kerja yang diperlukan dipasaran. Ini mewujudkan ketidakpadanan dalam penyediaan graduan untuk pasaran kerja tempatan.

Faktor tahap pendidikan juga menyumbang kepada isu pengangguran. Menurut Fazilah (2020), majikan lebih memilih untuk melihat keputusan akademik sebelum seseorang dipanggil untuk ditemuduga. Buktinya ialah ramai majikan kini menetapkan CGPA 3.00 dan ke atas sebagai syarat untuk memohon pekerjaan. Maka boleh dikatakan bahawa keputusan akademik telah menjadi syarat dalam sesebuah industri untuk memilih pekerja yang diperlukan oleh mereka. Menurut Riddell dan Xueda (2011), kadar pengambilan pekerja berpendidikan adalah lebih tinggi berbanding pekerja yang kurang berpendidikan. Hal ini demikian kerana daripada perspektif industri, mereka yang berpendidikan



RAJAH 1. Analisis Trend Pengangguran Malaysia, 1990-2020

merupakan tenaga buruh masa depan yang terlatih dan mereka ini dapat menghasilkan output tambahan. Menurut Fitri dan Junaidi (2016) pula, pengaruh tahap pendidikan terhadap pengangguran adalah sangat tinggi kerana semakin tinggi tahap pendidikan semakin tinggi peluang pekerjaan. Hal ini demikian kerana kebanyakan majikan menginginkan pekerja yang berkualiti tinggi dan kualiti tenaga kerja pula umumnya dilihat dari tingkat pendidikan.

Berdasarkan kajian lepas yang diperoleh, dapat diperhatikan bahawa kajian berkenaan faktor pengangguran pada tahun-tahun sebelum Covid-19 iaitu sebelum tahun 2019 kebanyakannya tertumpu pada faktor dalaman seperti penguasaan kemahiran insaniah yang lemah, permintaan gaji yang tidak realistik, sikap memilih kerja dan lain-lain. Tetapi, selepas kedatangan pandemik Covid-19 pada tahun 2020, kebanyakan kajian mula meletakkan faktor kemelesetan ekonomi dalam kajian mereka. Ada juga sebilangan kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara ekonomi dengan pengangguran.

Menurut rajah di atas, dapat diperhatikan bahawa kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 1995 adalah 3.1% dan kemudiannya menurun sehingga 2.4% pada tahun 1997. Keadaan menyatakan bahawa pada tahun-tahun tersebut ekonomi negara adalah stabil dan kebanyakan masyarakat mempunyai pekerjaan yang stabil. Tetapi pada tahun 1998, kadar pengangguran meningkat dengan banyak mencecah 3.2%. Keadaan ini adalah disebabkan krisis kewangan Asia pada 2 Julai 1997. Pada ketika itu, bibit kegawatan mula kelihatan di Thailand. Selepas beberapa bulan matawang Baht diserang oleh spekulator-spekulator matawang, kerajaan Thailand terpaksa mengapungkan matawang yang menyebabkan nilai Baht jatuh 14% setelah membelanjakan lebih kurang \$40 billion dari rizab asing untuk mempertahankan nilai Baht. Malaysia dan beberapa negara lain turut menerima nasib yang serupa. Nilai Ringgit berbanding USD telah susut dari RM2.52 pada Jun 1997 kepada RM4.62 (Ekonomi Rakyat, 2020). Ini menyebabkan ekonomi di Malaysia tidak stabil lalu menyebabkan pengangguran berlaku dan seterusnya kadar pengangguran tinggi. Kadar pengangguran telah menurun pada tahun 2000 pada kadar 3.0% dan kembali meningkat kepada pada tahun 2001 pada kadar 3.5%. Walaubagaimanapun, kadar pengangguran ini masih dianggap kekal pada aras yang rendah. Kadar pengangguran Malaysia seterusnya mula menurun sehingga mencapai 3.3% pada tahun 2008. Kenaikan kadar pengangguran Malaysia pada tahun 2009 (3.7%) pula adalah disebabkan kegawatan ekonomi 2008. Krisis ekonomi pada ketika ini telah menyebabkan kekacauan di pasaran kewangan di seluruh dunia. Akibatnya, kerajaan Malaysia terpaksa

mengurangkan import daripada negara luar dan hasil eksport juga terkesan. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan pengangguran meningkat. Dari tahun 2010 hinggalah tahun 2019 kadar pengangguran Malaysia adalah dalam keadaan yang sangat stabil iaitu tidak melebihi 4.0%. Kadar pengangguran mencecah ke peratusan yang paling teruk pada tahun 2020 pada kadar 4.5%. Ini adalah disebabkan oleh kedatangan pandemik Covid-19 ke Malaysia yang menyebabkan banyak perniagaan terpaksa berhenti beroperasi. Kesannya, ekonomi Malaysia terjejas dan pengangguran berlaku. Menurut punca peningkatan kadar pengangguran yang dinyatakan di atas, memang tidak dinafikan bahawa kemelesetan ekonomi adalah salah satu punca kadar pengangguran di Malaysia meningkat. Mengikut hasil dapatan kajian yang diperoleh, semasa kemelesetan ekonomi 1997, 2008 kadar pengangguran masih terkawal dibawah 4%. Tetapi semasa era pandemik Covid-19 kadar pengangguran meningkat melebihi 4% sehingga mencecah 4.5%. Keadaan ini menunjukkan bahawa Malaysia tidak mencapai guna tenaga penuh di mana akan berlakunya pembaziran sumber ekonomi dan seterusnya akan menjejaskan keluaran negara dan kebajikan masyarakat. Keadaan ini secara langsung akan memberi kesan yang negatif kepada mahasiswa yang tamat pengajian ketika pandemik Covid-19.

Analisis Demografi

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis demografi bagi 121 responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden iaitu sebanyak 53.7% adalah terdiri daripada responden perempuan dan selebihnya sebanyak 46.3% adalah responden lelaki. Dari segi umur pula, majoriti responden adalah berumur 21 hingga 22 tahun sebanyak 57%. Statistik ini disusuli dengan responden berumur 23 hingga 24 tahun seramai 30 orang, iaitu 24.8% dan seterusnya ialah responden berumur 19 hingga 20 tahun seramai 18 orang, iaitu 14.9% dan akhirnya responden berumur 25 tahun dan ke atas seramai 4 orang bersamaan 3.3%. Berdasarkan tahun pengajian responden, majoriti responden adalah tahun 3 iaitu seramai 70 orang (57.9%), 33 orang adalah tahun 1 iaitu 27.3%, 14 orang adalah tahun 2 iaitu 11.6% dan 4 orang sahaja tahun 4 iaitu 3.3%. Keterlibatan responden tahun 3 diharapkan dapat memberikan hasil keputusan yang baik kerana kebanyakan daripada mereka akan masuk pasaran kerja kerana menjalani latihan industri. Responden yang daripada Fakulti Sains Sosial secara relatifnya adalah lebih tinggi iaitu seramai 61 orang atau bersamaan 50.4% manakala responden Fakulti Sains adalah seramai 60 orang iaitu bersamaan dengan 50.4%.

JADUAL 1. Analisis Demografi Responden

Karakteristik		Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina:	Lelaki	56	46.3
	Perempuan	65	53.7
Umur:	19-20	18	14.9
	21-22	69	57.0
	23-24	30	24.8
	25 dan ke atas	4	3.3
Tahun Pengajian:	1	33	27.3
	2	14	11.6
	3	70	57.9
	4	4	3.3
Fakulti:	Fakulti Sains	60	49.6
	Fakulti Sains sosial	61	50.4
Etnik:	Melayu	61	50.4
	Cina	44	36.4
	India	13	10.7
	Lain-lain	3	2.5
Tingkat pendapatan:	B40	72	59.5
	M40	40	33.1
	T20	9	7.4
Strata:	Bandar	64	52.9
	Luar Bandar	57	47.1

Jumlah Sampel (n) = 121

Analisis Persepsi Responden Terhadap Pengangguran

Jadual 2 menunjukkan tahap persepsi mahasiswa UKM terhadap faktor pengangguran. Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” telah mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.08 dan diikuti faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” bacaan 4.07, manakala faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” mencatatkan min skor terendah dengan bacaan 3.27. Antara faktor yang selebihnya, hanya ada 1 faktor sahaja yang mencatatkan min skor 4.00 iaitu faktor “sikap memilih kerja” (4.03). Faktor-faktor yang tinggal adalah faktor yang mencatatkan min skor kurang dari 4.00, antaranya ialah faktor “kekurangan kemahiran insaniah” (3.95), “kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan” (3.86), “permintaan gaji yang tidak

realistik” (3.82) dan “tahap pendidikan yang rendah” (3.32). Persepsi mahasiswa UKM menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” adalah punca utama pengangguran sebelum kedatangan pandemik Covid-19.

Selepas kedatangan pandemik Covid-19, persepsi mahasiswa UKM tidak berubah menunjukkan faktor utama pengangguran ialah faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dengan bacaan min skor 4.58. Sama seperti faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik”, faktor “tahap pendidikan yang rendah” dan “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” kekal sebagai 2 faktor yang paling tidak mempengaruhi pengangguran dengan min skor 3.38. Faktor-faktor yang selebihnya telah menunjukkan perubahan pada kedudukan masing-masing. Antara faktor yang naik kedudukannya ialah

faktor “permintaan gaji yang tidak realistik” (3.96) dan “kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan” (3.87), manakala yang telah turun kedudukannya pula ialah faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” (3.87), “sikap memilih kerja” (3.86) dan kekurangan

kemahiran insaniah (3.79). Kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan pada persepsi mahasiswa UKM bahawa faktor “keadaan ekonomi tidak baik” juga merupakan punca utama berlakunya pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19.

JADUAL 2. Persepsi Responden Terhadap Pengangguran

Item	Sebelum Pandemik	Selepas Pandemik
kegagalan menguasai Bahasa Inggeris	3.27 (8)	3.38 (7)
sikap memilih kerja	4.03 (3)	3.86 (5)
kekurangan kemahiran insaniah	3.95 (4)	3.79 (6)
tidak membuat persiapan untuk temuduga	4.07 (2)	3.87 (3)
keadaan ekonomi yang kurang baik	4.08 (1)	4.58 (1)
permintaan gaji yang tidak realistik	3.82 (6)	3.96 (2)
kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	3.86 (5)	3.87 (3)
tahap pendidikan yang rendah	3.32 (7)	3.38 (7)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam mempengaruhi pengangguran

Analisis Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Jantina

Jadual 3 menunjukkan tahap persepsi mahasiswa UKM terhadap faktor pengangguran di Malaysia sebelum dan selepas pandemik Covid-19 mengikut jantina. Jadual 3 memaparkan min purata bagi kelapan-lapan faktor pengangguran. Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden lelaki menunjukkan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 3.98, dan diikuti faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dengan bacaan 3.96. Faktor “sikap memilih kerja” pula mempunyai min skor 3.93. Faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” pula mencatatkan min skor yang paling rendah dengan bacaan 3.29. Melalui ini dapat didapati persepsi responden lelaki sebelum kedatangan pandemik Covid-19 menunjukkan kegagalan membuat persiapan untuk proses temuduga adalah faktor utama pengangguran berlaku.

Selepas kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden lelaki telah berubah. Faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” yang sebelum ini kedua tertinggi telah mencatatkan min skor tertinggi pada kali ini dengan bacaan 4.52, manakala purata

min bagi faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” telah menurun mencatatkan min skor 3.57 pada kedudukan keenam tertinggi. Faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” tetap mencatatkan min skor terendah dimana bacaannya ialah 3.36. Daripada dapatan kajian ini dapat diperhatikan persepsi responden lelaki menunjukkan keadaan ekonomi yang tidak baik merupakan faktor utama berlakunya pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19.

Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden perempuan menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” mencatatkan min skor paling tinggi dengan bacaan 4.18 dan diikuti oleh faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” dengan bacaan 4.14. Dua faktor yang menunjukkan min skor paling rendah pula ialah faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dengan bacaan 3.25 dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” dengan bacaan 3.23. Persepsi responden perempuan sebelum kedatangan pandemik Covid-19 menunjukkan faktor “tahap pendidikan yang rendah” merupakan faktor yang tidak mempengaruhi pengangguran. Ini disokong oleh Noor Azina Ismail (2011) yang menyatakan pada masa ini, pencapaian akademik yang baik tidak lagi menjadi jaminan kepada graduan Malaysia untuk

mendapat pekerjaan.

Persepsi responden perempuan selepas kedatangan pandemik Covid-19 tetap menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.63 dan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” mencatatkan min skor kedua tinggi dengan bacaan 4.12. Faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” juga mencatatkan min skor terendah selepas kedatangan pandemik-19 dengan

bacaan masing-masing ialah 3.4 dan 3.34. Sama seperti persepsi responden lelaki, persepsi responden perempuan turut menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang kurang baik” merupakan faktor utama pengangguran selepas kedatangan Covid-19. Ini telah disokong oleh Abdul Rashid Aziz (2020) yang menyatakan pandemik Covid-19 yang berlaku telah memberi implikasi yang besar kepada sektor ekonomi dan pembangunan negara dan seterusnya telah menjejaskan sektor pekerjaan.

JADUAL 3. Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Jantina

Item	Lelaki		Perempuan	
	Sebelum Pandemik	Selepas Pandemik	Sebelum Pandemik	Selepas Pandemik
kegagalan menguasai Bahasa Inggeris	3.29 (8)	3.36 (8)	3.26 (7)	3.40 (7)
sikap memilih kerja	3.93 (3)	3.77 (4)	4.12 (3)	3.94 (4)
kekurangan kemahiran insaniah	3.80 (6)	3.62 (5)	4.08 (4)	3.92 (5)
tidak membuat persiapan untuk temuduga	3.98 (1)	3.57 (6)	4.14 (2)	4.12 (2)
keadaan ekonomi yang tidak baik	3.96 (2)	4.52 (1)	4.18 (1)	4.63 (1)
permintaan gaji yang tidak realistik	3.82 (5)	3.96 (2)	3.82 (5)	3.95 (3)
kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	3.91 (4)	3.82 (3)	3.82 (5)	3.91 (6)
tahap pendidikan yang rendah	3.43 (7)	3.43 (7)	3.23 (8)	3.34 (8)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam mempengaruhi pengangguran

Analisis Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Fakulti

Jadual 4 memaparkan min purata bagi lapan faktor pengangguran mengikut fakulti. Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden dari fakulti sains mencatatkan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” sebagai faktor utama pengangguran dengan bacaan min skor 4.07, manakala faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” pula mencatatkan min skor terendah dengan bacaan 3.13 dan diikuti faktor “tahap pendidikan yang rendah” yang mencatatkan min skor kedua terendah dengan bacaan 3.23. Persepsi responden dari fakulti sains menunjukkan

mereka lebih memikirkan membuat persediaan untuk temuduga sebelum melangkah ke dunia pekerjaan. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan responden kajian ini adalah daripada tahun 3 dan sedang menjalani sesi temuduga untuk mendapatkan kerja bagi melengkapkan kursus latihan industri mereka.

Persepsi responden fakulti sains selepas kedatangan pandemik Covid-19 pula telah berubah menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.53, dan diikuti faktor “permintaan gaji tidak realistik” (3.8). Kedua-dua faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” kekal mencatatkan min skor paling rendah dengan

bacaan 3.15 dan 3.18. Persepsi responden fakulti sains telah berubah menunjukkan punca utama berlaku pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19 adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak baik.

Sebelum kedatangan wabak Covid-19, persepsi responden fakulti sains sosial terhadap penyebab utama berlakunya pengangguran ialah faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dengan bacaan 4.21, diikuti faktor “kekurangan kemahiran insaniah” bacaan 4.16, manakala bacaan terendah (3.41) adalah faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah”.

Selepas kedatangan wabak Covid-19, persepsi

responden fakulti sains sosial terhadap penyebab utama berlakunya pengangguran tidak berubah dan kekal kepada faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dengan min skor tertinggi dengan bacaan 4.62 dan faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” juga kekal dengan min skor terendah dengan bacaan masing-masing ialah 3.61 dan 3.57. Dapatan menunjukkan persepsi responden fakulti sains sosial tidak berubah dan sama dengan fakulti sains menyatakan bahawa faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” sebagai faktor utama berlakunya pengangguran selepas pandemik Covid-19.

JADUAL 4. Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Fakulti

Item	Fakulti Sains		Fakulti Sains Sosial	
	Sebelum Pandemi	Selepas Pandemi	Sebelum Pandemi	Selepas Pandemi
kegagalan menguasai Bahasa Inggeris	3.13 (8)	3.15 (8)	3.41 (7)	3.61 (7)
sikap memilih kerja	3.98 (2)	3.73 (4)	4.08 (3)	3.98 (5)
kekurangan kemahiran insaniah	3.73 (4)	3.50 (6)	4.16 (2)	4.07 (4)
tidak membuat persiapan untuk temuduga	4.07 (1)	3.75 (3)	4.07 (4)	3.98 (5)
keadaan ekonomi yang tidak baik	3.95 (3)	4.53 (1)	4.21 (1)	4.62 (1)
permintaan gaji yang tidak realistik	3.67 (5)	3.80 (2)	3.97 (6)	4.11 (2)
kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	3.67 (5)	3.63 (5)	4.05 (5)	4.10 (3)
tahap pendidikan yang rendah	3.23 (7)	3.18 (7)	3.41 (7)	3.57 (8)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam mempengaruhi pengangguran

Analisis Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Tingkat Pendapatan

Jadual 5 menunjukkan persepsi mahasiswa UKM terhadap faktor pengangguran mengikut tingkat pendapatan. Persepsi responden golongan B40 sebelum Covid-19 menunjukkan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” merupakan faktor utama pengangguran untuk min skor 4.14. Faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dan faktor

“kekurangan kemahiran insaniah” pula masing-masing mencatatkan min skor 4.10 dan 4.01. Min skor terendah (3.28) didapati adalah faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris”. Persepsi responden golongan B40 mencatatkan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” sebagai punca utama pengangguran sebelum Covid-19.

Selepas kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden golongan B40 telah berubah. Min skor tertinggi (4.60) telah dicatatkan oleh faktor

“keadaan ekonomi yang tidak baik”, manakala faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” masih tidak berubah berada pada kedudukan terendah mencatatkan min skor 3.40 dan 3.46. Dapatan kajian menunjukkan selepas Covid-19, persepsi responden golongan B40 telah berubah daripada faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” kepada faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” sebagai faktor utama pengangguran. Perubahan ini dapat disokong oleh Abdul Rashid Aziz (2020) yang menyatakan Covid-19 telah menyebabkan pengenalan langkah-langkah sekatan yang ketat sehingga memberi kesan kepada ekonomi global, termasuk peningkatan kadar pengangguran.

Faktor “sikap memilih kerja” mempunyai min skor tertinggi dengan bacaan 4.15 bagi persepsi responden M40 sebelum kedatangan pandemik Covid-19 dan diikuti faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” bacaan 4.03, manakala min skor terendah (3.17) adalah faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris”. Persepsi responden M40 menunjukkan faktor “sikap memilih kerja” adalah faktor utama pengangguran. Ini adalah serasi dengan data yang dikeluarkan oleh Jobstreet.com (2011) yang menyatakan sebuah agensi pekerjaan menemui bahawa calon cenderung memilih pekerjaan yang mereka ingin untuk bekerja merupakan faktor utama berlakunya pengangguran di kalangan siswazah baru di Malaysia (Amanuddin Shamsuddin et. al, 2013).

Persepsi responden M40 menunjukkan perubahan selepas kedatangan pandemik Covid-19 dimana faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.50. Selain itu, faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan faktor “tahap pendidikan yang rendah” telah bertukar kedudukannya, tetapi kekal mencatatkan dua nilai min skor paling rendah dengan bacaan 3.35 dan 3.30 masing-masing. Persepsi responden M40 telah berubah menunjukkan punca utama berlaku pengangguran selepas kedatangan pandemik covid-19 adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak baik.

Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden T20 menunjukkan faktor “permintaan gaji tidak realistik” mencatatkan min skor tertinggi (4.44). Faktor yang menunjukkan min skor terendah (3.00) pula ialah faktor “tahap pendidikan yang rendah”. Persepsi responden T20 bahawa faktor utama pengangguran adalah “permintaan gaji tidak realistik” dapat disokong oleh satu kaji selidik yang bertajuk “Employer perception of Fresh Graduate Survey”. Keputusan kajian menunjukkan memohon gaji yang tidak realistik merupakan faktor utama yang

menyebabkan majikan tidak menawarkan pekerjaan kepada graduan (Khairul dan Nurul, 2018).

Selepas kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden T20 berubah menunjukkan kedua-dua faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dan “sikap memilih kerja” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.78 masing-masing. Bagi faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” dan “tahap pendidikan yang rendah” pula, kedua-keduanya kekal sebagai faktor yang paling tidak mempengaruhi pengangguran dengan bacaan min skor masing-masing ialah 3.33 dan 3.11. Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi responden T20 berubah dan menunjukkan kedua-dua faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dan “sikap memilih kerja” adalah faktor utama pengangguran.

Analisis Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Lokasi Tempat Asal

Sebelum kedatangan pandemik Covid-19, faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” mempunyai min skor tertinggi dengan bacaan 4.09 dan diikuti faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” bacaan 4.08 mengikut persepsi responden dari bandar. Antara dua faktor yang mempunyai min skor terendah (3.39) mengikut persepsi responden bandar ialah faktor “tahap pendidikan yang rendah” dan “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris”. Persepsi responden dari bandar menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” adalah faktor utama pengangguran sebelum kedatangan Covid-19. Ini disokong oleh pernyataan kenaikan kadar pengangguran Malaysia pada tahun 2009 (3.7%) adalah disebabkan kegawatan ekonomi 2008.

Persepsi responden dari bandar selepas kedatangan Covid-19 menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” dan masih kekal sebagai faktor utama pengangguran dengan bacaan min skor ialah 4.58. Faktor “tahap pendidikan yang rendah” dan “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” sekali lagi kekal pada kedudukan terendah dengan bacaan min skor masing-masing ialah 3.44 dan 3.39. Persepsi responden dari bandar menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” masih kekal sebagai faktor utama pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19.

Faktor “kekurangan kemahiran insaniah” dan “keadaan ekonomi yang tidak baik” mencatatkan min skor tertinggi (4.07) dan diikuti faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” dengan bacaan 4.05. Dua faktor yang mencatatkan min skor terendah adalah faktor “tahap pendidikan yang rendah” dan “kegagalan

JADUAL 5. Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Tingkat Pendapatan

Item	B40		M40		T20	
	Sebelum Pandemi	Selepas Pandemi	Sebelum Pandemi	Selepas Pandemi	Sebelum Pandemi	Selepas Pandemi
kegagalan menguasai Bahasa Inggeris	3.28 (8)	3.40 (8)	3.17 (8)	3.35 (7)	3.67 (6)	3.33 (7)
sikap memilih kerja	3.93 (5)	3.81 (6)	4.15 (1)	3.75 (2)	4.33 (2)	4.78 (1)
kekurangan kemahiran insaniah	4.01(3)	3.92 (5)	3.83 (4)	3.52 (6)	4.00 (5)	3.89 (4)
tidak membuat persiapan untuk temuduga	4.14 (1)	4.07 (2)	3.90 (3)	3.55 (4)	4.22 (3)	3.67 (6)
keadaan ekonomi yang tidak baik	4.10 (2)	4.60 (1)	4.03 (2)	4.50 (1)	4.22 (3)	4.78 (1)
permintaan gaji yang tidak realistik	3.83 (6)	4.01 (4)	3.65 (6)	3.70 (3)	4.44 (1)	4.67 (3)
kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	3.97 (4)	4.07 (2)	3.70 (5)	3.53 (5)	3.67 (6)	3.78 (5)
tahap pendidikan yang rendah	3.36 (7)	3.46 (7)	3.33 (7)	3.30 (8)	3.00 (8)	3.11 (8)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam mempengaruhi pengangguran

menguasai Bahasa Inggeris” dengan min skor masing-masing ialah 3.25 dan 3.14. Persepsi responden dari luar bandar menunjukkan terdapat 2 faktor utama pengangguran sebelum kedatangan pandemik Covid-19 iaitu faktor “kekurangan kemahiran insaniah” dan

“keadaan ekonomi yang tidak baik”.

Mengikut persepsi responden dari luar bandar, faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” masih kekal sebagai faktor utama pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19 dengan min skor 4.58 dan diikuti

faktor “permintaan gaji yang tidak realistik” (3.95). Faktor “tahap pendidikan yang rendah” dan “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” pula telah berubah kedudukannya antara satu sama lain dengan min skor masing-masing ialah 3.32 dan 3.37. Dapatan kajian menunjukkan walaupun selepas kedatangan pandemik Covid-19 faktor utama pengangguran kekal kepada “keadaan ekonomi yang tidak baik”. Persepsi responden

dari luar bandar bahawa faktor “tahap pendidikan yang rendah” adalah faktor yang tidak mempengaruhi pengangguran dapat disokong oleh Youngsik Hwang (2017) yang menyatakan walaupun mereka bahawa mereka yang berpendidikan mempunyai lebih banyak peluang pekerjaan, tetapi mereka masih bergelut untuk bertahan dalam pekerjaan.

JADUAL 6. Persepsi Responden Terhadap Pengangguran Berdasarkan Lokasi Tempat Asal

Item	Bandar		Luar Bandar	
	Sebelum Pandemik	Selepas Pandemik	Sebelum Pandemik	Selepas Pandemik
kegagalan menguasai Bahasa Inggeris	3.39 (7)	3.39 (8)	3.14 (8)	3.37 (7)
sikap memilih kerja	4.05 (3)	3.84 (5)	4.02 (4)	3.88 (3)
kekurangan kemahiran insaniah	3.84 (4)	3.84 (5)	4.07 (1)	3.72 (6)
tidak membuat persiapan untuk temuduga	4.08 (2)	3.88 (3)	4.05 (3)	3.86 (5)
keadaan ekonomi yang tidak baik	4.09 (1)	4.58 (1)	4.07 (1)	4.58 (1)
permintaan gaji yang tidak realistik	3.80 (5)	3.97 (2)	3.84 (6)	3.95 (2)
kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	3.72 (6)	3.86 (4)	4.02 (4)	3.88 (3)
tahap pendidikan yang rendah	3.39 (7)	3.44 (7)	3.25 (7)	3.32 (8)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam mempengaruhi pengangguran

Analisis Persepsi Langkah Responden Dalam Menangani Masalah Pengangguran

Jadual 7 menunjukkan langkah-langkah yang dipraktikkan oleh responden sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran. Persepsi mahasiswa UKM menunjukkan langkah “melakukan persediaan awal untuk menghadapi sesi temuduga” mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.56. Langkah yang mencatatkan min skor kedua tinggi (4.52) pula ialah langkah “meningkatkan kemahiran insaniah” dan “menguasai Bahasa Inggeris”. Langkah yang paling tidak disokong oleh mahasiswa

UKM untuk menangani pengangguran ialah langkah “menggugurkan sikap suka memilih kerja” dengan bacaan min skor 4.26, manakala min skor bagi langkah “meningkatkan tahap pendidikan” (4.29) hanya melebihi langkah “menggugurkan sikap suka memilih kerja” sedikit sahaja iaitu sebanyak 0.03. Langkah “mencari pekerjaan yang selari dengan kemahiran” mempunyai min skor 4.34 dan langkah “memohon gaji yang lebih realistik” mempunyai min skor 4.30. Persepsi mahasiswa UKM menunjukkan langkah “melakukan persediaan awal untuk menghadapi sesi temuduga” merupakan langkah utama yang akan diambil untuk menangani pengangguran. Dapatan ini boleh dikira

realistik memandangkan faktor “tidak membuat persiapan untuk temuduga” merupakan faktor ketiga tertinggi dalam mempengaruhi pengangguran mengikut perspektif mahasiswa UKM.

JADUAL 7. Persepsi Langkah Responden Dalam Menangani Masalah Pengangguran

Item	Purata Min
Melakukan persediaan awal untuk menghadapi sesi temuduga	4.56 (1)
Meningkatkan kemahiran insaniah	4.52 (2)
Mencari pekerjaan yang selari dengan kemahiran	4.34 (4)
Menggugurkan sikap suka memilih kerja	4.26 (7)
Meningkatkan tahap pendidikan	4.29 (6)
Menguasai Bahasa Inggeris	4.52 (2)
Memohon gaji yang lebih realistik	4.30 (5)

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan item dalam menangani pengangguran

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi pengangguran di kalangan mahasiswa terutamanya mahasiswa UKM. Pengaruh faktor-faktor ini terhadap pengangguran dianalisis daripada dua aspek iaitu sebelum dan selepas pandemik Covid-19 di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh mahasiswa bagi mengurangkan masalah pengangguran yang wujud di kalangan para graduan. Sebanyak 121 responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan trend pengangguran di Malaysia akan mengalami perubahan yang besar sekiranya berlakunya kemelesetan ekonomi. Pada ketika ekonomi Malaysia adalah baik, turun naik kadar pengangguran juga adalah stabil. Hasil kajian turut menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kelapan-lapan faktor yang mempengaruhi pengangguran ini agak tinggi, dengan bacaan min skor masing-masing adalah melebihi 3.00. Kajian mendapati bahawa sebelum kedatangan pandemik Covid-19, persepsi responden terhadap faktor utama yang mempengaruhi pengangguran

adalah berbeza-beza mengikut jantina, fakulti, tingkat pendapatan dan strata. Walaubagaimanapun, selepas kedatangan pandemik Covid-19 kesemua keputusan persepsi responden berdasarkan jantina, fakulti, tingkat pendapatan dan strata adalah sama iaitu faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” sebagai penyumbang utama kepada masalah pengangguran. Hasil dapatan kajian terhadap persepsi mahasiswa UKM secara keseluruhannya juga menunjukkan faktor “keadaan ekonomi yang tidak baik” merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya pengangguran dengan bacaan min skornya ialah 4.08 sebelum kedatangan pandemik Covid-19 dan 4.58 selepas kedatangan Covid-19. Apabila dilihat pada faktor dalaman, keputusan yang diperolehi adalah berbeza berdasarkan jantina, fakulti, tingkat pendapatan dan strata. Faktor dalaman yang secara umumnya sangat mempengaruhi pengangguran sebelum kedatangan pandemik Covid-19 ialah “tidak membuat persiapan untuk temuduga” manakala faktor yang sangat mempengaruhi pengangguran selepas kedatangan pandemik Covid-19 ialah “permintaan gaji yang tidak realistik”. Bukan itu sahaja, faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” turut kekal

sebagai faktor yang paling tidak mempengaruhi pengangguran berbanding dengan faktor-faktor yang lain dengan bacaan min skor 3.27 sebelum kedatangan pandemik Covid-19 dan 3.38 selepas kedatangan pandemik Covid-19. Dari sini dapat diperhatikan bahawa mahasiswa di UKM amat prihatin dengan apa yang bakal dialami mereka dalam masuk ke dalam alam pekerjaan.

Hasil keputusan bagi langkah persediaan mahasiswa dalam menangani pengangguran menunjukkan langkah “melakukan persediaan awal untuk menghadapi sesi temuduga” adalah langkah yang paling tinggi dipilih oleh responden. Keadaan ini mungkin disebabkan kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mahasiswa tahun 3 yang sedang menjalani sesi temuduga untuk mendapatkan tempat menjalani latihan industri. Apa yang menarik perhatian pengkaji adalah langkah “menguasai Bahasa Inggeris” berada di tempat kedua dalam menangani pengangguran sedangkan faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” mempunyai min skor terendah dari persepsi mahasiswa UKM. Keadaan ini berlaku mungkin adalah disebabkan majoriti responden telah menguasai Bahasa Inggeris dan dapat berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris menyebabkan mereka beranggapan bahawa faktor “kegagalan menguasai Bahasa Inggeris” bukanlah faktor yang mempengaruhi pengangguran sebelum dan selepas pandemik Covid-19. Walaubagaimanapun, langkah “menguasai Bahasa Inggeris” dijadikan langkah kedua penting dalam menangani pengangguran dari persepsi mahasiswa UKM ini dapat disokong oleh keputusan Jobstreet.com (2011) yang mengatakan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah merupakan salah satu faktor utama berlakunya pengangguran dan juga kajian “Employer perception of Fresh Graduate Survey” yang mengatakan lemah penguasaan Bahasa Inggeris merupakan faktor kedua berlakunya pengangguran (Khairul dan Nurul, 2018). Dapatan kajian ini, dapat menunjukkan kematangan persepsi mahasiswa UKM dalam menangani isu pengangguran. Walaupun kita tidak dapat mengawal keadaan ekonomi yang merupakan punca utama pengangguran, tetapi kita boleh meningkatkan kemahiran interpersonal. Mahasiswa perlulah meningkatkan kemahiran yang bersesuaian sebagai nilai tambah apabila menjejakki alam pekerjaan yang kian mencabar samping persaingan yang tinggi. Oleh itu, mahasiswa adalah digalakan untuk mencari peluang dan ruang untuk mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai sebelum memasuki alam pekerjaan.

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Inisiatif Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Kod Projek: EPPE3996)

RUJUKAN

- Abdul Rashid Aziz @Dorashid. 2020. Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(11): 1-9.
- Amanuddin Shamsuddin, K. H. M. I., Nur Zahidah Nafisah Mohamed Mahfol, , Muhammad Naim Aziz & Thevamar Alagari. 2013. Graduate Unemployment: The Awareness and Perception of Graduates Towards Government's Initiatives. *International Journal of Business, Economics and Law* 3(1): 15-24.
- Ekonomi Rakyat. (2020). Mengimbau Krisis Kewangan Asia 1997. Retrieved 27 Ogos 2021, from <https://ekonomirakyat.com.my/mengimbau-krisis-kewangan-asia-1998/>
- Fazilah Mohd Othman. 2020. Perspektif Mahasiswa Terhadap Faktor Pengangguran Siswazah Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* 609-620.
- Juliana Mohd Abdul Kadir, Navaz Naghavi, Geetha Subramaniam & Nur A'amilyn Abdul Halim. 2020. Unemployment among Graduates - Is There a Mismatch? *International Journal of Asian Social Science* 10(10): 583-592.
- Khairul Bariyah Masrakin dan Nurul As'shikin Ramli. 2018. Cabaran Dalam Menghadapi Dunia Pekerjaan: Perspektif Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti. *Human Sustainability Procedia* 302-323.
- Lee Harvey. 2001. Defining and Measuring Employability. *Quality in Higher Education* 7(2): 97-109.
- Lim Hock Eam. 2011. The Determinants of Individual Unemployment Duration: The Case of Malaysian Graduates. *2nd INTERNATIONAL CONFERENCE ON BUSINESS AND ECONOMIC RESEARCH (2nd ICBER 2011) PROCEEDING* 2619-2639.
- Muhammad Ariff Nazron, Beatrice Lim & Janice L.H. 2017. Soft Skills Attributes and Graduate Employability: A Case in Universiti Malaysia Sabah. *Malaysian Journal of Business and Economics* 4(2): 65-76.
- Nick Carroll. 2005. Explaining Unemployment Duration in Australia. *Economic Record* 82(258): 298-314.
- Noor Azina Ismail. 2011. Graduates' Characteristics and Unemployment: A Study among Malaysian Graduates. *International Journal of Business and Social Science* 2(16): 94-102.

- Rahmah Ismail, Ishak Yussof & Lai Wei Sieng. 2011. Employers' Perceptions on Graduates in Malaysian Services Sector. *International Business Management* 5(3): 184-193.
- W. Craig Riddell & Xueda Song. 2011. The Impact of Education on Unemployment Incidence and Re-Employment Success: Evidence from the U.S. Labour Market. *Labour Economics* 18(4): 453-463.
- Youngsik Hwang. 2017. What Is the Cause of Graduates' Unemployment? Focus on Individual Concerns and Perspectives. *Journal of Educational Issues* 3(2): 1-10.
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. 2015. Antara Realiti Dan Harapan – Kajian Empirikal Persepsi Majikan Terhadap Prestasi Graduan Tempatan *Malaysian Journal of Society and Space* 11(10): 27-36.
- Zaliza Hanapi & Mohd Safarin Nordin. 2014. Unemployment among Malaysia Graduates: Graduates' attributes, Lecturers' Competency and Quality of Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 112(1056-1063).

Lee Boon Chang & Mustazar Mansur*
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: mustazar@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 April 2022
 Diterima: 4 April 2022